



KENYATAAN MEDIA

www.jkkn.gov.my

UNTUK SIARAN SEGERA

Bil. 16/2023

TEMASYA BUDAYA @ NEGERI PERAK TARIK MASYARAKAT KENAL LEBIH DEKAT KESENIAN PELBAGAI KAUM NEGERI PERAK

2 SEPTEMBER 2023 – Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) melalui agensinya, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara (JKKN) Perak mengadakan **Program Temasya Budaya @ Negeri Perak 2023** pada **30 Ogos - 2 September 2023 (Rabu -Sabtu)** bertempat di **Bulatan Sultan Azlan Shah, Meru Raya, Ipoh, Perak**. Program ini telah mendapat kerjasama Tourism Perak, Pejabat Kementerian Pelancongan Seni dan Budaya Negeri Perak dan Majlis Kebudayaan Negeri Perak, dirasmikan oleh YB Loh Sze Yee, Exco Pelancongan, Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor Negeri Perak.

Program ini antara lainnya bertujuan mengangkat kepelbagaian seni, budaya, warisan dan pelancongan yang terdapat di negeri Perak dengan kepelbagaian

etnik dan kaum. Ia merupakan rangkuman daripada pelbagai aspek yang meliputi budaya, etnik, agama, amalan tradisi yang mengarah kepada kesatuan kebudayaan yang bersifat nyata. Temasya Budaya Negeri Perak secara langsung dapat mendekatkan pelancong tempatan dan antarabangsa melalui pelbagai pengisian seni budaya warisan dan pelancongan.

Program ini mendapat sokongan padu daripada Kerajaan Negeri Perak dan menarik minat usahasama badan korporat serta persatuan seni budaya untuk sama-sama menjadikan program ini bertaraf cemerlang. Penganjuran Temasya Budaya Negeri Perak 2023 turut dimeriahkan lagi dengan Sambutan Ambang Kemerdekaan Peringkat Negeri Perak oleh Kerajaan Negeri Perak melalui Tourism Perak, *International Pior Art & Engine 2023* oleh Persatuan Pelukis Negeri Perak, Sarung Run oleh Pertubuhan Seni Kayangan Perak (PESKAP) dan Bagi Run Club serta Pesta Citarasa Sambal dan Usahawan Perak oleh SWA TV Media yang turut bersama-sama merealisasikan temasya ini sebagai hab kesenian pelbagai kaum yang menarik dan wajib dikunjungi.

Antara pengisian menarik yang telah diatur sepanjang empat (4) hari program ialah pertandingan Kejohanan Sepak Raga Ratus, Bola Sepak Pelikat, *Battle of the Band*, Alunan Irama Nurani, Bintang Irama Malaysia, Peragaan Kanak-kanak dan Mewarna Keluarga. Turut memeriahkan program ialah Pesta Sambal, Pameran Kebudayaan Pelbagai Kaum, Demonstari Makanan Tradisional Pelbagai Kaum, Jualan Kraf Tradisional dan jualan makanan minuman.

Acara yang menarik perhatian pengunjung pada Malam Gala Temasya ialah garapan persembahan mengangkat Rebana Perak yang merupakan seni muzik tradisional di negeri Perak dengan memaparkan kemeriahan suasana tempatan dalam nuansa perarakan pergendangan pelbagai kaum. Hiburan bersama artis terkenal seperti Black, Haziq, Bob Yusof dan ramai lagi turut menarik pengunjung untuk hadir ke temasya ini.

Dikeluarkan Oleh:

Unit Komunikasi Korporat

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara

Tel: 03-2614 8200 Faks: 03-2697 0786

Laman Sesawang: www.jkkn.gov.my **E-mel:**

ukk@jkkn.gov.my

Platform Media Sosial Rasmi JKKN:

Facebook: @Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara
dan @mysenibudaya

Instagram, Twitter & YouTube: @mysenibudaya

Untuk Pertanyaan, Sila Hubungi

Mazidah binti Mustapha Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN mazidah@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 012-952 2095	Eldawati binti Laung Penolong Pengarah Unit Komunikasi Korporat, JKKN eldawati@jkkn.gov.my Tel: 03-2614 8200 / 019-809 1805
--	---